

18 JUL 2002

P/Raya-Reaksi (Pemimpin/Pendang)

PEMIMPIN BN GEMBIRA DAPAT TAWAN SEMULA PENDANG

ALOR SETAR, 18 Julai (Bernama) -- Pemimpin Barisan Nasional (BN) malam ini menyuarakan kesyukuran dan rasa gembira di atas kejayaan BN menawan semula kubu kuat pembangkang di kawasan Parlimen Pendang daripada PAS.

Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu berkata ia merupakan kemenangan bersejarah bagi BN yang sekali gus membuktikan bahawa demokrasi masih subur di negara ini.

Beliau berkata keputusan itu juga menunjukkan bahawa rakyat tahu memilih calon yang difikirkan baik dan dapat membantu mereka.

"Kami gembira ...kemenangan ini akan menjadi galakan untuk BN bekerja lebih kuat untuk menawan semula lebih banyak kerusi (pembangkang) pada masa depan," katanya ketika ditemui di Auditorium Bernas Anak Bukit dekat sini.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan lain-lain pemimpin BN mengikuti siaran langsung pengumuman keputusan pilihan raya kecil itu di Auditorium Bernas itu.

Timbalan Presiden MCA Datuk Lim Ah Lek berkata keputusan itu menunjukkan pengiktirafan terhadap kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Walaupun jentera kita menghadapi pelbagai rintangan dan mematuhi cara berkempen yang sopan berbanding pihak lawan, mereka tidak berputus asa, sebaliknya berusaha lebih gigih untuk kejayaan calon BN," katanya.

Lim berkata walaupun BN tewas di Anak Bukit, ia tidak bermakna bahawa BN gagal sepenuhnya memandangkan jumlah undi yang diperolehi calon PAS yang menang telah berkurangan berbanding dengan pilihan raya umum yang lepas.

Ketua Wanita Umno Datuk Seri Rafidah Aziz pula menyuarakan kesyukurannya kerana segala usaha selama ini telah membuahkan hasil dan pengundi di Pendang telah memberi mandat kepada BN.

Beliau yakin wakil rakyat Pendang yang baru dipilih itu akan memenuhi hasrat rakyat di kawasan tersebut.

"Saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada semua pihak dan ahli-ahli Wanita Umno yang telah bersama-sama bekerja sebagai satu pasukan untuk mencapai kemenangan ini," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini.

Rafidah sedang berada di Jepun dalam rangka lawatan kerja ke negara itu.

Sementara itu, Menteri Besar Kedah Datuk Seri Syed Razak Syed Zain mengucapkan terima kasih kepada semua parti komponen BN yang telah bekerja keras bagi memastikan kemenangan calon BN di Pendang.

"Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Perdana Menteri serta Timbalan Perdana Menteri atas kepimpinan mereka sepanjang tempoh berkempen terutamanya dalam menasihatkan ahli-ahli supaya tidak bertindak balas terhadap karenah yang kurang elok yang dilakukan oleh parti pembangkang," katanya.

Di Pendang, anggota Majlis Tertinggi Umno, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir bersyukur dengan kemenangan itu dan yakin masa depan Umno amat cerah di kawasan Pendang.

"Saya juga pasti wakil BN akan memastikan janji-janji pembangunan akan ditunaikan," katanya yang ditemui di Pusat Penjumlahan Undi bagi pilihan raya kecil itu di Sekolah Menengah Kebangsaan Pendang selepas keputusan diumumkan.

Presiden PPP Datuk M. Kayveas pula berkata kemenangan itu amat manis dan menunjukkan kesungguhan para pekerja BN yang telah bekerja

bertungkus-lumus sehingga berjaya.

Katanya moral BN Kedah sudah pasti bertambah kuat untuk menawan kembali beberapa kerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri yang dimenangi pembangkang pada pilihan raya lepas.

"Melihat keputusan ini, ia merupakan petanda baik kepada BN untuk mengambil semula kerusi-kerusi yang dimenangi pembangkang," katanya.

Penasihat Agama kepada Perdana Menteri, Tan Sri Abdul Hamid Othman berkata kemenangan itu adalah hasil kerja kuat para petugas BN serta membuktikan isu agama yang digunakan PAS bagi memancing undi tidak berjaya.

Ketua Wanita Umno Kedah Rosnah Majid pula berkata walaupun kemenangan itu dengan majoriti yang rendah, tetapi ia kemenangan yang penting yang menaikkan moral para anggota BN.

MZM KHY LAT